



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PENGUMUMAN PAKEJ UNIFI TM

Saya merujuk kepada pengumuman Telekom Malaysia (TM) mengenai pakej-pakej Unifi yang baharu. Saya mengalu-alukan usaha TM untuk mengurangkan harga di samping meningkatkan kelajuan penawaran jalur lebarnya. Ini sejajar dengan dasar kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk menyediakan perkhidmatan Internet yang lebih baik dengan kelajuan tinggi dan jalur lebar yang berkualiti kepada semua.

Pakej-pakej yang dicadangkan oleh TM termasuk pakej kemasukan baru yang disasarkan kepada golongan pendapatan isi rumah RM4,500 dan ke bawah serta pelan-pelan yang mempunyai kelajuan yang lebih tinggi untuk pelanggan lain yang sedia ada. Pakej-pakej ini akan memberi manfaat kepada pengguna Unifi serta kawasan-kawasan yang mempunyai akses kepada perkhidmatan Unifi. Saya juga telah meminta TM untuk mempertimbangkan perluasan pakej harga baru yang lebih baik kepada semua lapisan masyarakat dan bukan hanya kepada golongan tersebut.

Saya sedar bahawa terdapat aduan-aduan daripada pengguna Streamyx. Perbincangan telah diadakan dengan TM mengenai isu-isu yang dibangkitkan, ini termasuk keperluan untuk menggantikan kabel tembaga (*copper cable*) kepada fiber untuk membolehkan pengguna Streamyx dapat beralih ke Unifi. Saya telah dimaklumkan bahawa TM sedang mengusahakan perkara-perkara ini dan akan membuat pengumuman cadangan mereka tidak lama lagi.

Sementara itu, saya menyeru kepada syarikat telekomunikasi yang lain untuk membuat cadangan-cadangan mengenai bagaimana mereka dapat mengurangkan harga dan meningkatkan kelajuan perkhidmatan jalur lebar mereka. Saya berharap mereka juga akan berusaha untuk merealisasikan usaha kerajaan PH untuk memberi perkhidmatan internet yang lebih berpatutan dan berkualiti di Malaysia.

**GOBIND SINGH DEO**

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

13 Julai 2018